

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

AKP401 - PENGAUDITAN

Masa : [3 jam]

---

ARAHAN

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LAPAN soalan. Soalan di BAHAGIAN A adalah WAJIB dan jawab SATU soalan di BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A (WAJIB)

---

1. Zam dan Zul telah menubuhkan sebuah syarikat yang bernama Syarikat Perkhidmatan Kewangan Bhd. Mereka masing-masing telah membeli 50% saham biasa yang dibenarkan. Zam ialah seorang akauntan dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Zul pula ialah seorang penanggung (underwriter) di dalam urusan jual-beli harta. Syarikat ini menawarkan perkhidmatan pengauditan dan pencukaian di bawah pengawasan Zam. Perkhidmatan insurans pula adalah di bawah pengawasan Zul. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat telah diiklankan di dalam Berita Harian melalui dua ruang yang berukuran 6 sentimeter.

Pelanggan audit yang pertama merupakan Syarikat Kerjasama yang mempunyai jumlah aset sebanyak \$600,000 dan jumlah liabiliti sebanyak \$270,000. Di dalam pemeriksaan yang dijalankan, Zam telah mendapati bangunan Syarikat Kerjasama yang mempunyai nilai buku sebanyak \$240,000 telah dicagarkan dengan pihak bank sebelum pinjamannya yang berjumlah \$200,000 dapat diluluskan. Penyata kewangan syarikat pelanggan tidak menunjukkan sebarang fakta mengenai perkara ini.

AKP401

Setelah meneliti perkara ini, Zam berpendapat bahawa kegagalan untuk menyatakannya tidak menjejaskan keseluruhan nilai aset atau jumlah liabiliti syarikat. Tambahan pula pemeriksaan selanjutnya ke atas perkara-perkara lain adalah memuaskan. Dengan ini Zam telah mengeluarkan laporan audit tidak bersyarat.

Dua bulan selepas laporan audit tidak bersyarat dikeluarkan, Zam telah mendapat tahu bahawa sebuah lagi syarikat insurans sedang merancang untuk memberikan pinjaman berjumlah \$150,000 kepada syarikat kerjasama. Bagi mendapatkan kelulusan pinjaman ini, syarat yang dikenakan ialah supaya bangunan syarikat kerjasama dicagarkan dengan syarikat insurans sebagai cagaran pertama. Oleh kerana syarikat insurans tidak mengetahui bahawa bangunan syarikat kerjasama telahpun dicagarkan dengan pihak bank, Zam dan Zul mengambil keputusan untuk memberitahu syarikat insurans perkara yang sebenar. Tidak lama kemudian, Zam telah didakwa kerana tidak mematuhi garis panduan kelakuan etika yang profesyenal.

Jelaskan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Zam yang tidak mematuhi garis panduan ini.

[15 markah]

2. Sebagai seorang pengurus firma audit, anda telah diberitahu oleh pelanggan anda, Kilang Newman, bahawa penipuan sedang dilakukan oleh juruwang yang bertugas di salah satu cawangan kilangnya. Seorang pegawai telah ditugaskan untuk memasukkan ke dalam bank hasil jualan Kedai Koperatif Pekerja. Juruwang Kedai Koperatif Pekerja telah menyerahkan hasil jualan harian kepada pegawai berkenaan untuk dimasukkan ke dalam bank pada keesokan harinya. Tetapi pegawai tersebut telah melengahkan memasukkan hasil jualan itu ke dalam bank dan sebaliknya menyalahgunakan hasil yang belum dibankkan. Setelah terjumpa penipuan itu, syarikat telah menyemak hasil jualan Kedai Kooperatif dan mendapati bahawa penggelapan wang telah berlaku selama 2 tahun. Penyiasatan selanjutnya menunjukkan salah satu sebab penggelapan wang boleh berlaku ialah kerana pihak pengurusan tidak menjalankan pengawasan yang rapi ke atas kerja-kerja juruwang. Sepatutnya pihak pengurusan mengawasi gerak geri juruwang dengan ketat kerana juruwang diberi kedua-dua tugas penjagaan aset dan pencatatan urusan.

AKP401

Selepas mendengar penerangan yang diberikan oleh pelanggan anda dan pengauditan telah pun selesai dijalankan ke atas Kilang Newman, anda ingin menentukan sama ada juruaudit bertugas telah cuai di dalam menjalankan tugasnya. Apakah pendapat yang mungkin anda keluarkan jika:

- (a) Penipuan berjumlah \$5,000 telah berlaku dan ianya dianggap 'tidak material'? Fail audit menunjukkan:
- (i) juruaudit bertugas tidak menyemak urusanniaga berhubung dengan Kedai Koperatif Pekerja kerana ia menganggap jumlahnya tidak material.
  - (ii) juruaudit bertugas telah menyemak resit yang dikeluarkan oleh register tunai dengan buku tunai tetapi gagal menyemak borang kemasukkan wang ke dalam bank untuk mengesahkan sama ada hasil telah dimasukkan ke dalam bank pada hari berikutnya.
- (b) Penipuan berjumlah \$50,000 telah berlaku dan ianya dianggap 'material'? Fail audit juga telah menunjukkan kedua-dua perkara yang sama.

[15 markah]

3. (a) Terangkan langkah-langkah yang perlu diikuti oleh juruaudit di dalam memahami struktur kawalan dalaman dan menentukan risiko kawalan.
- (b) Senaraikan objektif kawalan dalaman bagi pengesahan urusanniaga jualan. Bagi setiap objektif, nyatakan satu kawalan dalaman yang boleh digunakan oleh pelanggan untuk mengurangkan kesilapan.

[10 markah]

4. Anda sedang menjalankan pengauditan ke atas Syarikat Breakloose. Salah satu daripada syarat yang termaktub di dalam surat akuan debentur ialah Syarikat Breakloose hendaklah sentiasa memastikan nisbah semasa sebanyak 2:0. Jika nisbah semasa ini kurang dari paras yang ditetapkan

pada tarikh kunci kira-kira, keseluruhan jumlah debentur hendaklah dijelaskan serta merta. Semasa menjalankan pengauditan, anda telah mendapati bahawa nisbah semasa adalah lebih rendah daripada tahun lepas iaitu berkurangan daripada 2.6 tahun lepas kepada 2.05 pada tahun ini. Bagaimanakah keadaan ini boleh menjejaskan rancangan audit anda?

[8 markah]

5. Andaikan syarikat mempunyai bahagian kunci kira-kira seperti berikut:

Tunai	\$10,000
Aset tetap	60,000
	-----
	\$70,000
	=====
Pinjaman jangka panjang	\$30,000
Modal saham	40,000
	-----
	\$70,000
	=====

(a) Anda sebagai seorang juruaudit sedang mempertimbangkan kurang nyata ekuiti pemilik. Tentukan had jumlah salah nyata yang boleh diterima yang boleh diagihkan kepada akaun-akaun supaya jumlah pertimbangan awal 'materiality' tidak melebihi \$10,000. Berikan alasan mengenai agihan ini.

(b) Apakah yang dimaksudkan dengan pertimbangan awal 'materiality' dan 'salah nyata yang boleh diterima'?

[6 markah]

6. Menurut IAG 21, sesetengah kejadian dan urusan yang berlaku selepas tarikh kunci kira-kira perlu diperiksa oleh juruaudit dan dianggap sebahagian daripada kerja pengauditannya. Juruaudit perlu menjalankan tatacara penyemakan yang tertentu untuk menentukan sama ada kejadian jenis ini telah berlaku dan jika ianya berlaku, juruaudit hendaklah memastikan bahawa butiran ini telah dikendalikan dengan betul.

AKP401

- (a) Nyatakan tatacara penyemakan yang perlu dijalankan oleh juruaudit untuk menentukan sama ada kejadian selepas tarikh kunci kira-kira berlaku, dan
- (b) Bagaimanakah cara mengendalikannya?

[6 markah]

7. Tuliskan nota ringkas mengenai:

- (a) Surat perlantikan.
- (b) Jenis laporan audit serta keadaan-keadaan yang menyebabkan berlainan jenis laporan audit dikeluarkan.
- (c) Program audit.
- (d) Pengauditan EDP.

[20 markah]

**BAHAGIAN B**

-----

Jawab SATU soalan sahaja.

8. Anda telah disuruh mengaudit pusingan jualan dan kutipan Hospital Besar Kuala Lumpur. Perkhidmatan yang diberikan oleh hospital ini amat baik sama ada dari segi layanan mahupun ubat yang diberikan kepada pesakit.

Walaupun bagaimanapun sistem perakaunannya agak lemah iaitu rekod perakaunan tidak disimpan dengan rapi, tiada pengesahan dalaman dan tugas pencatatan urusan tidak dititikberatkan. Salah satu sebab mengapa perkara ini berlaku ialah kekurangan kakitangan. Di dalam tahun-tahun lalu, firma audit telah menjumpai beberapa kesilapan di dalam menentukan jumlah yang harus dibayar oleh akaun belum terima. Seperti hospital lain, dua aset terbesar Hospital Besar ialah akaun belum terima dan harta, loji dan peralatan.

Hospital Besar mempunyai beberapa pinjaman yang belum dijelaskan dan kedua-dua bank yang memberikan pinjaman kepada Hospital Besar telah memberitahu pihak pengurusan

bahawa mereka mungkin tidak akan meluluskan pinjaman tambahan yang selanjutnya. Keengganan mereka memberikan pinjaman adalah kerana sebuah lagi hospital swasta akan dibina berdekatan dengan kawasan Hospital Besar yang pada pendapat mereka akan memberikan persaingan hebat kepada Hospital Besar. Di masa lalu, kerajaan telah banyak membantu Hospital Besar dengan menyalurkan sebahagian daripada cukai yang dikutip kepada dana Hospital Besar ini tetapi memandangkan buat masa ini kadar pengangguran adalah agak tinggi, kerajaan mungkin tidak mampu untuk berbuat demikian.

Kadar jawapan yang diterima daripada pesakit ke atas surat pengesahan yang dihantarkan kepada mereka di masa lalu amat rendah sekali. Pesakit yang membalas balik surat pengesahan pula tidak tahu nilai kepentingan surat pengesahan kepada mereka dan tidak tahu berapa sebenarnya jumlah hutang mereka dengan Hospital Besar. Pengalaman anda mengaudit hospital lain juga menunjukkan perkara yang sama.

Anda telah membuat keputusan bahawa kawalan tunai Hospital Besar boleh dianggap baik dan tidak mungkin penggelapan wang boleh berlaku tetapi kesilapan mungkin berlaku ke atas pencatatan urusan kerana sistem pencatatan tidak memuaskan.

- (a) Jelaskan risiko audit utama (faktor-faktor yang menentukan risiko audit) yang terlibat di dalam pengauditan ini. Nyatakan tahap risiko audit yang mungkin ditentukan oleh pihak juruaudit (rendah, sederhana, tinggi).
- (b) Jelaskan risiko semulajadi (faktor-faktor yang menentukan risiko semulajadi) yang anda patut memberikan tumpuan yang lebih.
- (c) Di antara jenis ujian yang diberikan nyatakan ujian yang mana satukah yang patut anda tekankan di dalam mengaudit pusingan jualan dan kutipan ini.
  - (i) Ujian kawalan.
  - (ii) Ujian urusan substantif.
  - (iii) Penyemakan analitikal.
  - (iv) Ujian baki.

Berikan alasan anda.

AKP401

- (d) Nyatakan perhubungan di antara risiko audit yang boleh diterima dengan liabiliti juruaudit.

[20 markah]

9. Encik Tay seorang akauntan sedang menjalankan ujian urusan jualan bagi tahun berakhir 31 Disember, 1991. Tatacara pengauditannya adalah seperti berikut:

- (a) Jumlahkan jurnal jualan dan ikut jejak jumlah jualan ini ke lejar am.
- (b) Semak kesemua urusan jualan untuk menentukan sama ada jumlah yang dicatatkan adalah munasabah.
- (c) Pilih satu sampel jualan yang dicatatkan daripada jurnal jualan dan kesan nama pelanggan dan jumlah jualan ke salinan invois jualan dan dokumen penghantaran yang berkaitan.
- (d) Semak salinan invois jualan untuk tanda pemeriksaan yang menunjukkan pengesahan dalaman telah dijalankan ke atas bilangan, harga, pengiraan dan kesan baki ini kepada fail kawalan akaun belum terima.
- (e) Bandingkan harga yang dicatatkan di salinan invois jualan dengan senarai harga yang diluluskan dan bilangan yang dicatatkan di salinan invois jualan dengan dokumen penghantaran.
- (f) Ikat jejak jumlah jualan yang dicatatkan di salinan invois jualan jurnal jualan dan fail kawalan akaun belum terima untuk menentukan jumlah jualan, tarikh jualan dan nama pembeli (akaun belum terima) adalah betul.

Dikehendaki:

- (i) Nyatakan di antara tatacara audit yang telah disenaraikan, yang mana satu boleh menggunakan persampelan siat (attribute).

AKP401

- (ii) Dengan mengambil kira tatacara yang telah ditetapkan oleh Encik Tay, tentukan unit persampelan yang paling sesuai digunakan di dalam menjalankan ujian persampelan sifat.
  
- (iii) Sediakan kertas maklumat persampelan sifat bagi kesemua ujian kawalan. Andaikan kadar sisihan yang boleh diterima ialah 5% dan kadar sisihan populasi yang dianggarkan ialah 1%. Bagi kesemua ujian substantif pula, gunakan 4% kadar sisihan yang boleh diterima dan 0% kadar sisihan populasi yang boleh diterima. Gunakan 10% risiko terlebih percaya bagi kesemua ujian (Sila lihat Lampiran).
  
- (iv) Bagi tatacara audit yang tidak termasuk di dalam ujian persampelan sifat [di bahagian (c)], terangkan tatacara persampelan bukan statistik yang sesuai untuk menentukan butiran yang patut dimasukkan di dalam sampel.

[20 markah]



LAMPIRAN A

**Statistical Sample Results Evaluation Table for Tests of Controls  
Upper Deviation Limit  
(for large populations)**

**Table 1 5% Risk of Overreliance**

Sample Size	Actual Number of Deviations Found								
	0	1	2	3	4	5	6	7	8
25	11.3	17.6	*	*	*	*	*	*	*
30	9.5	14.9	19.5	*	*	*	*	*	*
35	8.2	12.9	16.9	*	*	*	*	*	*
40	7.2	11.3	14.9	18.3	*	*	*	*	*
45	6.4	10.1	13.3	16.3	19.2	*	*	*	*
50	5.8	9.1	12.1	14.8	17.4	19.9	*	*	*
55	5.3	8.3	11.0	13.5	15.9	18.1	*	*	*
60	4.9	7.7	10.1	12.4	14.6	16.7	18.8	*	*
65	4.5	7.1	9.4	11.5	13.5	15.5	17.4	19.3	*
70	4.2	6.6	8.7	10.7	12.6	14.4	16.2	18.0	19.7
75	3.9	6.2	8.2	10.0	11.8	13.5	15.2	16.9	18.4
80	3.7	5.8	7.7	9.4	11.1	12.7	14.3	15.8	17.3
90	3.3	5.2	6.8	8.4	9.9	11.3	12.7	14.1	15.5
100	3.0	4.7	6.2	7.6	8.9	10.2	11.5	12.7	14.0
125	2.4	3.7	4.9	6.1	7.2	8.2	9.3	10.3	11.3
150	2.0	3.1	4.1	5.1	6.0	6.9	7.7	8.6	9.4
200	1.5	2.3	3.1	3.8	4.5	5.2	5.8	6.5	7.1

**Table 2 10% Risk of Overreliance**

Sample Size	Actual Number of Deviations Found								
	0	1	2	3	4	5	6	7	8
20	10.9	18.1	*	*	*	*	*	*	*
25	8.8	14.7	19.9	*	*	*	*	*	*
30	7.4	12.4	16.8	*	*	*	*	*	*
35	6.4	10.7	14.5	18.1	*	*	*	*	*
40	5.6	9.4	12.8	15.9	19.0	*	*	*	*
45	5.0	8.4	11.4	14.2	17.0	19.6	*	*	*
50	4.5	7.6	10.3	12.9	15.4	17.8	*	*	*
55	4.1	6.9	9.4	11.7	14.0	16.2	18.4	*	*
60	3.8	6.3	8.6	10.8	12.9	14.9	16.9	18.8	*
70	3.2	5.4	7.4	9.3	11.1	12.8	14.6	16.2	17.9
80	2.8	4.8	6.5	8.3	9.7	11.3	12.8	14.3	15.7
90	2.5	4.3	5.8	7.3	8.7	10.1	11.4	12.7	14.0
100	2.3	3.8	5.2	6.6	7.8	9.1	10.3	11.5	12.7
120	1.9	3.2	4.4	5.5	6.6	7.6	8.6	9.6	10.6
160	1.4	2.4	3.3	4.1	4.9	5.7	6.5	7.2	8.0
200	1.1	1.9	2.6	3.3	4.0	4.6	5.2	5.8	6.4

\*Over 20%

STATISTICAL SAMPLE EVALUATION TABLES. [Statistical Sampling Guide, pp. 108-109]